



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **PENGURUSAN PENGUNDI COVID-19 POSITIF SEMASA PILIHAN RAYA NEGERI (PRN) KE-15 TAHUN 2023**

Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15 akan diadakan pada 12 Ogos 2023 di enam (6) buah negeri melibatkan 3,450 buah pusat mengundi. Bagi membantu pengundi-pengundi COVID-19 positif yang masih dalam tempoh isolasi keluar mengundi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menyediakan panduan pengurusan pengundi COVID-19 positif. Panduan ini bertujuan memberi peluang pengundi COVID-19 positif menjalankan kewajipan mengundi, pada waktu yang sama mengurangkan risiko penularan jangkitan COVID-19 semasa tempoh ini.

Bagi memudahkan urusan pengundian pada PRN Ke 15 ini, individu COVID-19 positif berumur 18 tahun dan ke atas akan menerima mesej daripada aplikasi MySejahtera bermula 10 Ogos 2023 sehingga 12 Ogos 2023. Mesej tersebut akan memaklumkan mengenai keperluan pengundi COVID-19 menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau petugas kesihatan berdekatan pusat mengundi sebelum mereka datang ke pusat mengundi. Tujuan pemakluman adalah untuk memastikan petugas kesihatan di daerah terlibat bersiap sedia dalam pengurusan pesakit COVID-19 di pusat mengundi.

Pengundi COVID-19 positif juga hendaklah hadir di pusat mengundi **dua (2) jam sebelum tamat tempoh mengundi di pusat mengundi**. Ini bertujuan untuk meminimalkan risiko percampuran dengan pengundi-pengundi lain. Pengundi COVID-19 positif juga diingatkan supaya **tidak menggunakan kenderaan awam** dan **dikehendaki memakai pelitup muka** sepanjang masa di pusat mengundi melainkan semasa pengenalan diri yang memerlukan pelitup muka dibuka ketika di tempat mengundi.

Pengundi COVID-19 positif juga dinasihatkan agar menjaga penjarakan fizikal yang selamat sepanjang masa terutamanya apabila berhadapan dengan petugas ketika pelitup muka dibuka. Setelah selesai mengundi, pengundi COVID-19 positif hendaklah segera meninggalkan kawasan mengundi dan meneruskan pengasingan diri sehingga tamat tempoh *Home Surveillance Order* (HSO).

Manakala, bagi mereka yang sedang menerima rawatan di hospital **dibenarkan** discaj dari hospital atas risiko sendiri bagi mengundi dengan syarat mematuhi prosedur yang ditetapkan. Namun, pihak hospital tidak akan menyediakan kemudahan pengangkutan dan pesakit hendaklah menggunakan kenderaan sendiri untuk ke pusat mengundi. Pesakit COVID-19 positif perlu meneruskan pengasingan diri sehingga tamat tempoh HSO di tempat kediaman atau tempat pengasingan yang ditetapkan sebaik sahaja selesai mengundi.

KKM juga ingin menasihati semua pengundi-pengundi lain agar sentiasa mengamalkan penjarakan dan mencuci tangan dengan pensanitasi, digalakkan memakai pelitup muka terutamanya bagi yang bergejala atau apabila berada di tempat tertutup, sempit dan sesak, serta segera mendapatkan dos penggalak vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko

penularan jangkitan, morbiditi, dan kematian terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi.

Kerjasama semua pihak termasuk individu dan masyarakat dalam bersama-sama menangani penularan jangkitan COVID-19 adalah sangat dihargai. KKM sentiasa memantau situasi COVID-19 di dalam dan luar negara selain memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan berada dalam keadaan yang optima. Semoga PRN ke-15 tahun 2023 berjalan dengan lancar dan selamat.

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**10 OGOS 2023**